

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)

Kuatuksa: 01 Julai 2013

Umur persaraan minimum adalah apabila seseorang itu mencapai umur genap 60 tahun.



Akta ini tidak terpakai kepada:

Pekerja kerajaan, badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

Pekerja dalam tempoh percubaan

Perantis di bawah kontrak perantisan

Bukan warganegara

Pekhidmat domestik

Pekerja separa masa

Pelajar

Pekerja kontrak tetap termasuk tempoh pelanjutan tidak lebih 24 bulan

Pekerja kontrak tetap termasuk tempoh pelanjutan melebihi 24 bulan tetapi tidak lebih 60 bulan yang bergaji pokok RM20,000 dan ke atas;

Pekerja yang telah bersara pada umur 55 tahun atau lebih sebelum 01.07.2013 tetapi diambil bekerja semula

Hubungi Kami

<http://jtksm.mohr.gov.my>
jtksm@mohr.gov.my

Terbitan Oktober 2021



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

UMUR PERSARAAN MINIMUM

60 TAHUN





Persaraan Pramasa

Pekerja tidak boleh dibersarakan sebelum mencapai umur persaraan.

- Sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00.

Tidak termasuk:

- persaraan pilihan oleh pekerja
- penamatan atas apa-apa sebab selain umur

Pekerja diberhentikan sebelum genap 60 tahun boleh memfailkan aduan dalam tempoh 60 hari ke Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) atau Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)



Persaraan Pilihan

Pekerja boleh bersara apabila mencapai umur persaraan pilihan yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif

Siasatan di JTKSM

Jika tidak berasas dan aduan ditolak

- rayuan ke Mahkamah Tinggi; atau
- fail tuntutan di JPP dalam tempoh 30 hari

Jika berasas dan kes diteruskan di JTKSM tetapi tidak berpuashati dengan keputusan

- rayuan ke Mahkamah Tinggi; dan
- tidak lagi boleh failkan kes di JPP

Umur persaraan dalam kontrak perkhidmatan adalah terbatal sekiranya lebih rendah dari akta ini.